



Ruj. Kami: KKM.600-27/9/1 (1)  
Tarikh : 4 Februari 2016


## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

### ARAHAN PENGGUNAAN GARIS PANDUAN PEMILIHAN DAN KELAYAKAN PENDERMA DARAH BAGI MENGELAKKAN PENULARAN JANGKITAN VIRUS ZIKA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan, Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan jangkitan virus Zika sebagai *Public Health Emergency of International Concern* (PHEIC) pada 1 Februari 2016 semasa mesyuarat pertama *Emergency Committee under International Health Regulation* (IHR2005).
- Sehubungan dengan itu, Bahagian Perkembangan Perubatan dan Perkhidmatan Perubatan Transfusi KKM telah mengambil langkah-langkah kesiapsiagaan bagi membendung kemasukan dan penularan virus Zika ke Negara ini. Walaupun fokus utama adalah kepada surveilen, pengesanan awal dan verifikasi kes virus Zika, penyebaran melalui aktiviti transfusi darah juga perlu dipertimbangkan.
- Ini memandangkan terdapatnya potensi untuk virus Zika merebak melalui transfusi darah seperti yang dilaporkan ketika wabak di Polynesia, Perancis pada November 2013 - Februari 2014, yang mana terdapat 3% penderma asimptomatik adalah positif virus Zika. Sejak itu, terdapat sekurang-kurangnya satu laporan jangkitan virus Zika yang diperolehi menerusi transfusi darah di Brazil.
- Oleh yang demikian, **berkuat kuasa pada 5hb Februari 2016**, pemilihan dan kelayakan penderma darah di pusat-pusat darah di seluruh hospital dan juga semasa kempen derma darah hendaklah dilaksanakan sebagai langkah berjaga-jaga. Garis panduan untuk saringan tersebut adalah seperti di dalam Lampiran 1.
- YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memaklumkan dan melaksanakan garis panduan ini di setiap hospital di bawah seliaan masing-masing dengan serta merta. Diharapkan, dengan adanya saringan ini, ianya dapat membantu mengatasi penularan jangkitan virus Zika ke negara ini.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702

7. Sebarang pertanyaan mengenai garis panduan tersebut boleh diajukan kepada Pengarah Pusat Darah Negara, Dr. Noryati Abu Amin di talian 03-2693 3888 atau noryati.abuamin@moh.gov.my.

8. Segala kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan di dahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian, untuk tindakan Y.Bhg Dato'/Datin/Tuan/Puan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

Saya yang menurut perintah,



**( DATUK DR. JEYANDRAN TAN SRI SINNADURAI )**  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah  
Pusat Darah Negara

## **SENARAI EDARAN**

Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah Hospital Kuala Lumpur

## LAMPIRAN 1

### GARIS PANDUAN PEMILIHAN DAN KELAYAKAN PENDERMA DARAH

1. Meningkatkan kesedaran di kalangan penderma darah yang berpotensi dan mempunyai sejarah perjalanan kemana-mana negara atau kawasan-kawasan yang terjejas oleh virus Zika (Jadual 1) dengan gejala dan simptom jangkitan virus Zika, seperti demam, ruam-ruam, sakit sendi, sakit kepala, sakit di belakang mata dan konjunktivitis.

*Increase awareness among the potential blood donors with travel history to any countries or areas which are affected by Zika virus (Table 1) on sign and symptoms of Zika virus infection such as fever, rashes, joint pain, headache, retro-orbital pain and conjunctivitis.*

2. Mendapatkan maklumat lanjut mengenai sejarah perjalanan daripada semua penderma darah semasa proses pemilihan penderma sebagai sebahagian daripada kaunseling pra-derma.

*Elicit information on travel history on all blood donors during the donor selection process as part of the pre-donation interview/ counseling.*

3. Menangguhkan pendermaan darah buat sementara waktu bagi:
  - a) Individu/ penderma darah yang telah melawat kemana-mana negara atau kawasan yang terlibat dengan virus Zika dan tidak mempunyai simptom: **selama 28 hari dari tarikh individu tersebut tiba** daripada negara tersebut.
  - b) Individu/ penderma darah yang telah melawat kemana-mana negara atau kawasan yang terlibat dengan virus Zika dan mempunyai gejala demam: **selama 28 hari dari hari pulih sepenuhnya**.

*Defer temporarily:*

- a) *Individuals/ blood donors who have travelled to any countries or areas which are affected by Zika virus and who had no symptoms for at least 28 days from the date he/she arrived from the affected country.*
- b) *Individuals/ blood donors who have travelled to any countries or areas which are affected by Zika virus and have had febrile symptoms for 28 days following full recovery.*

4. Menasihatkan penderma-penderma darah yang mendapat simptom-simptom seperti demam viral di dalam 14 hari selepas pendermaan darah untuk:
  - a) Menelefon dan memaklumkan kepada hospital yang terlibat di mana mereka telah mendermakan darah mengenai simptom-simptom tersebut.
  - b) Mendapatkan nasihat lanjut daripada pusat kesihatan yang terdekat.

*Advise blood donors who develop symptoms compatible with suspected viral fever within 14 days post-donation to:*

- a) *Call and inform the hospital where they have donated blood of their symptoms.*
- b) *Seek further advice from the nearest healthcare facilities.*

5. Menjalankan prosedur *look back* untuk:

- a) Mengesan semua komponen darah daripada penderma darah tersebut untuk penyingkiran daripada stok darah.
- b) Memaklumkan kepada doktor yang merawat untuk memantau pesakit yang telah menerima transfusi darah tersebut akan simptom-simptom jangkitan sekiranya komponen darah tersebut telah diberikan.

*Conduct look back procedure to:*

- a) *Trace all of the blood components arising from the donation for removal from blood stock.*
- b) *If the implicated blood components have been transfused- to inform the clinicians to observe the patients who received the transfusion for evidence of infection.*

<b>Jadual 1 – Senarai nama negara-negara dan kawasan yang terlibat dengan virus Zika (akan dikemaskini berdasarkan maklumat terkini daripada WHO)</b>		
<b>Amerika</b>	<b>Kepulauan Pasifik</b>	<b>Afrika</b>
Brazil, Barbados, Bolivia, Columbia, Costa Rica, Curacao, Dominican Republic, Ecuador, El Salvador, French Guiana, Guadeloupe, Guatemala, Guyana, Haiti, Honduras, Martinique, Mexico, Nicaragua, Panama, Paraguay, Puerto Rico, Saint Martin, Suriname and Venezuela	Cook Islands, Easter Islands, Federated States of Micronesia, French Polynesia, New Caledonia, Samoa, Solomon Islands and Vanuatu	Cape Verde